

Tidak ada murid yang ditolak kerana tempat — Dr.M

BALING 3 MEI

TIDAK ada seorang murid pun yang ditolak oleh kerajaan kerana tiada tempat belajar dari darjah satu sekolah rendah hingga tingkatan tiga peringkat menengah, Timbalan Perdana Menteri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan hari ini.

Beliau berkata, mereka yang lulus dengan baik diperingkat SRP/LCE akan diberi tempat untuk belajar di tingkatan empat dan seterusnya dibidang sains, teknik atau sastera.

Dr. Mahathir yang juga Menteri Pelajaran berkata demikian ketika berucap merasmikan bangunan Sekolah Menengah Tunku Putera, di sini pagi ini.

Beliau memberitahu pada masa ini kerajaan memberi tempat belajar yang cukup tidak kurang sembilan tahun, iaitu dari darjah satu hingga ke tingkatan tiga sekolah menengah.

Bilangan sekolah menengah kerajaan meningkat lima kali ganda, dari 128 buah sebelum merdeka kepada 702 buah ada masa ini. Kerajaan juga mengadakan sekolah

maju, cintakan perpaduan, sanggup bekerjasama, jujur dan ikhlas, bertanggungjawab, berdisiplin serta bersedia memberi sumbangan dan menyertai kegiatan masyarakat.

vokasional yang bilangannya sekarang ialah 23 buah dengan jumlah pelajar hampir 10,000 orang.

Menurutnya, peluang serta kemudahan pelajaran yang disediakan oleh kerajaan di bidang pelajaran ialah untuk membentuk sebuah masyarakat Malaysia yang berpelajaran, bertenaga, makmur, bertanggungjawab, bersatu-padu dan berdisiplin.

Beliau sukacita mendapat tahu sekolah ini bertambah maju dalam keputusan peperiksaan MCE tetapi merosot sedikit dalam peperiksaan LCE.

Bagaimanapun, beliau berpendapat keputusan peperiksaan saja tidak dapat diterima sebagai ukuran yang tunggal untuk menentukan kemajuan sesebuah sekolah.

Baginya ukuran kemajuan murid melibatkan pembentukan sikap dan nilai-nilai yang positif iaitu sikap ingin

“Sikap tidak mentingkan diri sendiri dan meletakkan kepentingan negara mengatasi kepentingan diri adalah kepada saya merupakan di antara nilai-nilai yang patut mendapat perhatian paling tinggi”, katanya.

Dr. Mahathir menasihatkan ibubapa dan pihak sekolah mengawasi gerak-geri anak-anak muda untuk menyelamatkan mereka dari pengaruh liar yang membahayakan ketenteraman dan keselamatan negara.

Katanya, walaupun negara sedang membangun dengan pesat, tetapi ia juga berhadapan dengan masalah-masalah seperti penyalahgunaan dadah, anasir komunis dan golongan anti-nasional.

“Sungguh pun masalah-masalah ini dapat dikawal, tetapi gejala-gejala ini boleh mengancam keselamatan negara. Murid-murid serta mereka yang

baru meninggalkan bangku sekolah mudah dipengaruhi oleh setengah dari gejala itu seperti salahguna dadah dan anti kerajaan,” katanya.

Mengenai Dasar Ekonomi Baru, Dr. Mahathir berkata hingga

ini masih ramai rakyat belum memahami dengan betul dasar tersebut dan dasar-dasar kerajaan.

Ini menyebabkan terdapat kurang kesedaran dan keyakinan tentang tujuan-tujuan kerajaan mengadakan berbagai peluang dan kemudahan baik di bidang ekonomi mahu pun pelajaran.

Pihak-pihak yang bertujuan jahat akan sentiasa mencuba memesonng pandangan dan fahaman rakyat terhadap usaha-usaha kerajaan untuk meninggalkan taraf hidup rakyat.